

26 SEP 2000

PUSAT DAGANGAN KEDAH MUDAHKAN USAHA TARIK PELABURAN

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Pusat Dagangan Kedah yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bakal menjadi pemangkin kepada pelaksanaan projek pembangunan di negeri berkenaan.

Pusat sehenti itu yang terletak di Tingkat 30, Menara UBN di Jalan Sultan Ismail di sini dipercayai yang pertama pernah diwujudkan oleh sebuah kerajaan negeri di ibu negara.

Ia menyediakan pelbagai maklumat dan panduan berhubung bidang pelaburan di pelbagai sektor di Kedah.

Menurut Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, inisiatif itu bertujuan menggembeleng tenaga semua anak syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) ke arah usaha menarik pelaburan ke negeri berkenaan.

"Ia akan memudahkan interaksi antara pegawai negeri termasuk saya sendiri dengan mana-mana agensi atau syarikat yang berminat melabur di Kedah," katanya ketika berucap pada majlis perasmian itu.

Katanya pusat itu akan digunakan semua pihak termasuk anggota Exco negeri, pegawai daerah serta 94 agensi Persekutuan dan 120 agensi negeri.

Berdasarkan taklimat yang diberikan kepada Dr Mahathir, pelbagai projek pembangunan dirancang atau sedang dilaksanakan termasuk dalam bidang pengangkutan, pendidikan, sosial, perindustrian, perhotelan dan hartanah.

-- BERNAMA

MAM AR AKD